

PENGGUNAAN JENIS-JENIS PENILAIAN OLEH PENSYARAH DALAM
PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI JABATAN KEJURUTERAAN
AWAM, POLITEKNIK UNGKU OMAR.

NOOR AFZAN AHMAD

NOORHAYANI YAHYA

TAN MAY LING

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada
syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan (Teknikal)

Fakulti Teknologi Dan Kejuruteraan

Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

MAC, 2001

DEDIKASI

Teristimewa untuk abah, emak, abang, kakak dan adik-adik yang banyak memberi sokongan dalam hidupku.

Noor Afzan Ahmad

Teristimewa buat ibu, ayah, abang, kakak dan seluruh ahli keluarga yang banyak memberi dorongan dan sokongan.

Noorhayani Yahya

Untuk keluarga yang dikasihi dan disayangi terutama suamiku dan anakku.

Tan May Ling



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNJIL TUN AMINAH

PENGHARGAAN

Kami bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana segala kurnia yang telah dilimpahkanNya hingga dapat menyiapkan laporan kajian kes ini.

Kami mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada En. Asri Selamat selaku pensyarah pembimbing atas segala nasihat, bimbingan dan tunjuk ajar sepanjang kami menyiapkan tugas ini.

Penghargaan juga ditujukan kepada Ketua Jabatan dan Pensyarah-Pensyarah Jabatan Kejuruteraan Awam, Politeknik Ungku Omar, Ipoh, Perak kerana sudi meluangkan masa dan memberi kerjasama di dalam penyelidikan ini.

Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada Ketua Jabatan dan kakitangan-kakitangan Jabatan Pengajian Siswazah Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) atas kerjasama yang diberikan.

Akhir sekali ucapan terima kasih kepada individu yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyiapkan kajian ini.

Hanya Allah sahaja yang mampu membalas kebaikan semua. Harapan kami agar kajian ini dapat memberi manfaat kepada kita semua.

Sekian Terima Kasih.

ABSTRAK

Penilaian ialah satu sistem atau proses yang meliputi aktiviti-aktiviti mengumpul maklumat tentang strategi dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, untuk membuat analisis dan keputusan dengan tujuan mengambil tindakan yang sewajarnya seperti merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran selanjutnya dengan cara yang lebih berkesan. Penilaian terdiri daripada empat iaitu pra penempatan, formatif, diagnostik dan sumatif. Keempat-empat jenis penilaian ini mempunyai kelebihan dan kelemahan yang tersendiri. Melalui dapatan kajian menunjukkan bahawa pensyarah lelaki lebih banyak menggunakan jenis-jenis penilaian dalam bilik kuliah iaitu min 3.37 berbanding dengan pensyarah perempuan iaitu min 3.28. Selain daripada itu, dapatan kajian juga menunjukkan sebanyak 47 % responden mempunyai pengetahuan tentang penilaian pendidikan jenis objektif, 64 % responden mengaplikasikan jenis penilaian kaedah lisan dalam aktiviti pengajaran dan 84 % responden bersetuju bahawa penilaian pendidikan telah dapat meningkatkan mutu diri pensyarah dalam aktiviti pengajaran. Manakala 2.7 % responden tidak bersetuju bahawa pelajar diberi masa yang mencukupi sebelum sesuatu jenis penilaian dilakukan. Sehubungan dengan itu pengkaji mencadangkan supaya pensyarah-pensyarah didedahkan dengan penggunaan jenis-jenis penilaian untuk meningkatkan keupayaan dan kecakapan dalam usaha membina jenis-jenis ujian dengan lebih bermutu. Pensyarah juga digalakkan untuk melakukan jenis-jenis penilaian dalam bilik kuliah. Selain daripada itu, pensyarah juga perlu memastikan pelajar sentiasa bersedia untuk dibuat penilaian. Seterusnya pensyarah perlu mempelbagaikan jenis-jenis penilaian pendidikan dalam aktiviti pengajaran bagi mengesan peringkat penguasaan dan kemajuan pelajar dalam semua bidang yang berkaitan dengan pendidikan.

ABSTRACT

Assessment is a process which it involved teaching and learning activities and data collection strategy for the system analysis. It can be divided by four; there are pre-ability / pre-placing, formative, diagnostic and summative. Each type of evaluation has it own strength and weakness. From the outcomes of the study to show that male lecturers more prefer use different kinds of assessment in the classroom which it mean is 3.37 if compare to the female lecturers; mean is 3.28 slyly lower. From the statistic also shown that 47% of the respondents have the evaluation knowledge about objective type, 64% of the respondents use the verbal method in their teaching activities and 84% of the respondents agree that the assessment the assessment also help them to increase quality of teaching. Whenever 2.7% of the respondents disagree that students must give more time before did the evaluation. Researcher suggest that lecturers must be exposed many types of assessment to upgrade the valuable of tools. Lecturers also encourage to use different kinds of assessment in the classroom. Further more, lecturers must justify the students are always in prepare status before run the assessment test.



PTM
PERPUSTAKAAN TULUNGAGUNG AMINAH

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
-----	---------	------------

	PENGESAHAN STATUS KAJIAN KES	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	HALAMAN JUDUL	i
	HALAMAN PENGAKUAN	ii
	HALAMAN DEDIKASI	iii
	HALAMAN PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRAC	vi

BAB I	Pengenalan	1
-------	------------	---

1.0	Pendahuluan	1
1.1	Latar Belakang Masalah	2
1.2	Penyataan Masalah	3
1.3	Persoalan Kajian	4
1.4	Objektif Kajian	4
1.5	Kerangka Teori	5
	1.5.1 Keterangan : Kerangka Teori	6
1.6	Kepentingan Kajian	6
1.7	Skop Dan Ruang Lingkup Kajian	7
1.8	Definisi Istilah Kajian	7

BAB PERKARA**MUKA SURAT****BAB II SOROTAN PENULISAN 10**

2.0	Pengenalan	10
2.1	Penilaian Dalam Pendidikan	10
2.2	Prinsip-Prinsip Am Penilaian	12
2.3	Tujuan Penilaian	15
2.4	Beberapa Perkara Asas Berkenaan Penilaian	18
2.5	Jenis Dan Cara Penilaian Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran	20
2.5.1	Penilaian Pra / Penempatan	21
2.5.2	Penilaian Formatif	21
2.5.3	Penilaian Diagnostik	24
2.5.4	Penilaian Sumatif	25

BAB III METODOLOGI KAJIAN 28

3.0	Pengenalan	28
3.1	Penjelasan Kaedah Kajian	28
3.2	Rekabentuk Kajian	29
3.3	Kerangka Operasi	31
3.4	Persampelan Kajian	32
3.5	Instrumentasi Kajian	32
3.5.1	Kesahan Instrumentasi	32
3.5.2	Kebolehpercayaan Instrumentasi	33



PTTA
PERPUSTAKAAN TUNJUKKAN AMINAH

3.5.3	Membentuk Soal Selidik	34
3.6	Kajian Rintis/Prosedur Kajian	35
3.7	Analisis Data	36
3.8	Andaian	38
3.9	Limitasi/Batasan Kajian	38

BAB IV	ANALISIS DATA DAN PERBINCANGAN	39
---------------	---------------------------------------	-----------

4.1	Pendahuluan	39
4.2	Kebolehpercayaan	39
4.3	Pengumpulan Data	39
4.4	Bahagian A	40
	4.4.1 Peratusan Jantina Dengan Pengalaman Berkhidmat	40
4.5	Bahagian B	41
	4.5.1 Pendedahan Penilaian Pendidikan Kepada Pensyarah	42
	4.5.2 Aplikasi Dan Kaedah Penilaian Pendidikan	45
	4.5.3 Kesan Penggunaan Penilaian Pendidikan Terhadap pensyarah	48
	4.5.4 Masalah Perlaksanaan Penilaian Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran	50



PTT AUTHM
PERPUSTAKAAN TUNJUNGU TUN AMINAH

BAB V	RUMUSAN DAN CADANGAN	53
5.1	Pendahuluan	53
5.2	Rumusan	53
5.3	Bahagian A	
	5.3.1 Kesimpulan maklumat mengenai latarbelakang responden	54
5.4	Bahagian B	
	5.4.1 Kesimpulan Untuk Pengetahuan Pensyarah Tentang pelbagai Jenis Penilaian	55
	5.4.2 Kesimpulan Untuk Jenis- Jenis Penilaian Yang Diaplikasikan Dalam Pengajaran Pensyarah Dengan Sistematik	55
	5.4.3 Kesimpulan Untuk Kesan Penggunaan Penilaian Pendidikan Terhadap Pensyarah	56
	5.4.4 Kesimpulan Untuk Masalah Perlaksanaan Penilaian dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran	57
5.5	Cadangan	57



PTT
PERPUSTAKAAN TUN TUN AMINAH

SENARAI LAMPIRAN
BIBLIOGRAFI
BORANG SOAL SELIDIK



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB I



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB I

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Penilaian di bilik kuliah memainkan peranan yang penting bagi pensyarah dalam menilai seseorang pelajar melalui beberapa jenis penilaian. Proses penilaian ini boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu penilaian secara formal (*Formal Assessment*) dan penilaian secara tidak formal (*Non Formal Assessment*).

Sehubungan itu terdapat beberapa tujuan penilaian diadakan. Menurut Salvin (1986), tujuan penilaian adalah untuk memberi insentif kepada pelajar untuk lebih berusaha dan berjaya. Ini adalah kerana penilaian merupakan penggerak kepada pelajar untuk lebih berusaha. Selain itu, penilaian turut memberi maklumat balik terhadap pelajar. Penilaian membolehkan pelajar menilai kembali keputusan peperiksaan mereka dan memberi maklumat balik terhadap pensyarah. Pensyarah dapat menilai kembali kejayaan yang telah disampaikan, manakala ibu bapa atau penjaga menerima maklumat balik. Melalui penilaian ini, ibu bapa atau penjaga dapat mengetahui prestasi pelajaran anak-anak mereka. Penilaian membantu pemilihan pembelajaran lanjutan. Melalui penilaian ini juga, pelajar-pelajar dapat menilai kemampuan dan kebolehan mereka mengikut bidang.

Penilaian terbahagi kepada empat jenis iaitu penilaian pra kelayakan atau penempatan, formatif, diagnostik dan sumatif. Jenis penilaian ini pula boleh dilihat dari tiga aspek iaitu penilaian secara pemerhatian, lisan dan penulisan. Penilaian

pemerhatian dan lisan merupakan kaedah penilaian secara tidak formal manakala penilaian secara penulisan pula merupakan penilaian formal yang meliputi teknik-teknik item objektif dan subjektif. Jenis-jenis item objektif terdiri daripada item jenis aneka pilihan, padanan, benar-salah dan isi tempat kosong. Manakala, item subjektif pula terdiri daripada item berbentuk struktur dan esei.

1.1 Latar Belakang Masalah

Pendidik yang terdiri dari guru, pensyarah dan profesor di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah dan institut pengajian tinggi perlu menggunakan jenis-jenis penilaian dengan betul. Jenis-jenis penilaian yang digunakan terhadap pelajar berkait rapat dengan program pendidikan terutamanya dari segi peluang pelajar dalam melanjutkan pelajaran mereka di peringkat yang lebih tinggi. Jenis-jenis penilaian meliputi penempatan atau pra kelayakan, formatif, diagnostik dan sumatif. Setiap jenis penilaian mempunyai ujian asas tertentu di dalam bilik kuliah.

Idealnya seorang pendidik semasa melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran mereka mestilah mematuhi prosedur dan jenis-jenis penilaian dengan betul. Sebagai contoh, penilaian penempatan atau pra kelayakan melalui pemerhatian atau cara lain dijalankan sebelum mengadakan pengajaran. Manakala, penilaian formatif dan diagnostik dilaksanakan semasa pengajaran. Bagi pelajar yang lemah terhadap sesuatu pelajaran, ujian diagnostik dilaksanakan dengan bertujuan untuk memperbaiki pelajar tersebut. Penilaian formatif sering berkait rapat dengan ujian diagnostik semasa pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Akhirnya, penilaian sumatif dilaksanakan untuk menguji keseluruhan pengajaran melalui peperiksaan pertengahan tahun dan peperiksaan akhir. Masalah yang ingin dikaji oleh pengkaji adalah memandang sejauh mana tahap penggunaan pelbagai jenis penilaian oleh pensyarah-pensyarah dalam pengajaran dan pembelajaran dengan sistematik.

1.2 Penyataan Masalah

Penggunaan jenis-jenis penilaian yang bersistematik dan rasional dalam pengajaran dan pembelajaran mewujudkan suatu kualiti prestasi pencapaian akademik di kalangan pelajar terutama di institut pengajian tinggi seperti politeknik. Ia juga turut meningkatkan taraf dan status politeknik. Justeru itu, pensyarah-pensyarah di politeknik amat digalakkan untuk menggunakan jenis-jenis penilaian yang betul dan berkesan di dalam bilik kuliah semasa pengajaran dan pembelajaran dijalankan.

Melalui penilaian yang dijalankan, pensyarah-pensyarah mudah mengenal pasti kelemahan pelajar semasa pengajaran dilakukan. Selain itu, pensyarah juga dapat mengetahui sejauh mana kefahaman pelajar terhadap apa yang dipelajari mengikut pencapaian objektif dalam sesuatu pelajaran.

Lazimnya, penilaian di dalam bilik kuliah dinyatakan di dalam silibus pengajaran pensyarah mengikut pembahagian seperti tugas, kuiz, ujian bulanan, peperiksaan pertengahan semester dan peperiksaan akhir semester.

Sehubungan dengan itu, pengkaji ingin mengkaji pelbagai penilaian bilik kuliah yang digunakan oleh para pensyarah di Jabatan Kejuruteraan Awam, Politeknik Ungku Omar dalam pengajaran dan pembelajaran.



1.3 Persoalan Kajian

Item-item kajian yang ingin dikaji merangkumi aspek-aspek berikut:


- i Adakah pensyarah-pensyarah di Politeknik Ungku Omar mempunyai pengetahuan tentang pelbagai jenis penilaian bilik kuliah ?
- ii Bagaimanakah pensyarah-pensyarah mengaplikasikan jenis-jenis penilaian bilik kuliah dalam pengajaran dengan sistematik ?
- iii Apakah kesan penggunaan pelbagai jenis penilaian terhadap prestasi pengajaran dan pembelajaran ?
- iv Apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh pensyarah-pensyarah semasa melakukan pelbagai jenis penilaian dalam bilik kuliah ?

1.4 Objektif Kajian

Objektif penyelidikan kajian ini adalah seperti berikut :

- a) Untuk meninjau pengetahuan pensyarah-pensyarah tentang penilaian bilik kuliah.
- b) Untuk meninjau persepsi pensyarah-pensyarah terhadap penggunaan penilaian bilik kuliah.
- c) Untuk meninjau kesan prestasi kerja pensyarah-pensyarah di Jabatan Kejuruteraan Awam, Politeknik Ungku Omar .
- d) Untuk meninjau masalah-masalah yang dihadapi oleh pensyarah-pensyarah di Bahagian Kejuruteraan Awam, Politeknik Ungku Omar semasa melaksanakan penilaian di bilik kuliah.

1.5 Kerangka Teori



Rajah 1.1

Rujukan : Dr. Mohd. Najib Ghafar (1997). "Pembinaan dan Analisis Ujian Bilik Darjah."
 Lee Shok Mee (1993). "Pedagogi 4(a) : Pengujian dan Penilaian Dalam Pendidikan."

1.5.1 Keterangan : Kerangka Teori

Rajah 1.1 berkaitan dengan aspek penilaian merangkumi pelbagai aplikasi dalam jenis-jenis ujian. Penilaian terbahagi kepada empat iaitu penilaian pra pembelajaran, formatif, diagnostik dan sumatif. Jenis penilaian ini pula boleh dilihat dari tiga aspek iaitu penilaian secara pemerhatian, lisan dan penulisan. Penilaian pemerhatian dan lisan merupakan kaedah penilaian secara tidak formal manakala penilaian secara penulisan pula merupakan penilaian formal yang meliputi teknik-teknik item objektif dan subjektif. Jenis-jenis item objektif terdiri daripada item jenis aneka pilihan, padanan, benar-salah dan isi tempat kosong. Manakala, item subjektif pula terdiri daripada item berbentuk struktur dan esei.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting dijalankan untuk mengetahui penggunaan jenis-jenis penilaian dalam pengajaran dan pembelajaran dengan rapi, lengkap dan betul di kalangan pensyarah. Selain itu, melalui kajian ini akan dapat membangkitkan pendidik terutama bagi pensyarah-pensyarah politeknik memanipulasikan jenis-jenis penilaian dengan sempurna semasa pengajaran dan pembelajaran dilakukan dalam bilik kuliah mahupun di dewan kuliah. Selain itu, prestasi pencapaian akademik pelajar dan kualiti taraf pendidikan terutama politeknik turut meningkat melalui penekanan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) terhadap aplikasi jenis-jenis penilaian yang berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran. Bahkan KPM bukan sahaja menumpu perhatian kepada silabus atau kurikulum isi pengajaran politeknik. Sehubungan dengan itu, hasil dari kajian ini diharapkan akan dapat membantu dalam prosedur pengajaran dan pembelajaran di Politeknik Ungku Omar terutama di Jabatan Kejuruteraan Awam. Dapatan dari kajian ini, juga boleh digunakan untuk kajian selanjutnya oleh individu atau jabatan pendidikan lain.

1.7 Skop Dan Ruang Lingkup Kajian

Kajian ini akan dilakukan terhadap pensyarah-pensyarah yang berada di Jabatan Kejuruteraan Awam (JKA), Politeknik Ungku Omar.

Kajian ini akan mengambil kira penggunaan pelbagai jenis penilaian oleh pensyarah. Ini bererti penggunaan pelbagai jenis penilaian oleh pensyarah akan mempengaruhi prestasi pencapaian akademik pelajar.

1.8 Definisi Istilah Kajian

1.8.1 Penggunaan :

Merujuk Taksonomi Kognitif Bloom (1956), penggunaan boleh membawa maksud menggunakan maklumat dalam situasi yang baru, termasuk menyelesaikan masalah menggunakan prinsip-prinsip, kaedah, hukum, teori, formula dan lain-lain. Manakala, merujuk kepada Dr. Mohd. Najib Ghafar (1997) memberikan penerangan bahawa menggunakan prosedur atau sistem dalam situasi tertentu.

1.8.2 Penilaian

Mengikut kepada buku rujukan "Classroom Assessment", penulis Peter W. Airasian (1997) memberi definisi iaitu penilaian merupakan pengumpulan, sintesis dan interpretasi maklumat bagi membantu guru membuat sesuatu keputusan di mana terbabit penentuan nilai. Manakala, merujuk kepada buku rujukan "Pembinaan Analisis Ujian Bilik Darjah", pengarang Dr. Mohd. Najib Ghafar (1997) berpendapat iaitu penilaian adalah satu proses yang sistematik yang membabit pengumpulan, penganalisan dan penginterpretasian, keterangan mengenai sejauh mana pelajar telah mencapai objektif pengajaran.

1.8.3 Pengajaran

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (Edisi Ketiga, 1997), pengajaran diistilahkan sebagai sesuatu yang berkaitan dengan mengajar seperti cara, perbuatan atau sistem mengajar.

Selain daripada itu, menurut Rahil Mahyuddin, Habibah Elias dan Kamariah Abu Bakar (1997), pengajaran didefinisikan sebagai satu sistem aktiviti yang diarahkan kepada pelajar-pelajar, biasanya secara bersemuka dengan guru, bertujuan untuk membawa satu perubahan pada diri pelajar.

Manakala menurut Ee Ah Meng (1997) pula, pengajaran boleh dimaksudkan sebagai proses penyampaian kemahiran, ilmu pengetahuan, sikap dan nilai-nilai. Ia akan menyebabkan perubahan tingkah laku seseorang pelajar.

Secara kesimpulannya, pengajaran boleh didefinisikan satu proses penyampaian ilmu pengetahuan oleh pensyarah terhadap pelajar bagi mengubah tingkah laku pelajar kepada yang lebih positif.



1.8.4 Pembelajaran

Merujuk Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (Edisi Ketiga, 1997), pembelajaran dimaksudkan bahawa merangkumi proses aktiviti belajar untuk berusaha memperoleh ilmu pengetahuan.

Menurut Tyler (1997), pembelajaran merupakan tindak balas di antara pelajar dengan keadaan yang ditemui dalam alam sekitar.

Menurut Blair et.al (1991), pembelajaran merupakan satu perubahan ke atas sifat manusia atau kebolehan yang akan dikekalkan dan tidak semata-mata disebabkan oleh proses pertumbuhan.

Kesimpulannya, pembelajaran boleh didefinisikan sebagai satu proses tindakbalas oleh pelajar terhadap pengajaran yang disampaikan oleh pensyarah.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB II



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB II

SOROTAN PENULISAN

2.0 Pengenalan

Dalam bab ini, beberapa sorotan ilmiah yang terdapat di dalam artikel, jurnal, buku rujukan sama ada penulis tempatan ataupun barat akan dimasukkan di dalam bab ini. Banyak penulisan mengenai penilaian dapat dilihat daripada sorotan penulisan. Ianya mengandungi jenis-jenis penilaian yang digunakan oleh pendidik semasa pengajaran dan pembelajaran dijalankan di dalam bilik kuliah. Penggunaan pelbagai jenis penilaian dengan berkesan dan tatatertib serta sistematik membolehkan masalah pencapaian akademik pelajar bagi sesuatu mata pelajaran dapat diatasi.

2.1 Penilaian Dalam Pendidikan

Menurut pandangan Ormardin Ashaari (1999), biasanya guru mengadakan suatu bentuk penilaian pada penghujung pengajaran mereka. Penilaian dilakukan untuk mengukur kemampuan, kefahaman, dan kebolehan pelajar. Penilaian dilakukan berdasarkan matlamat pengajaran yang telah ditetapkan oleh guru. Bagaimanapun, secara khususnya penilaian dilakukan berdasarkan keputusan ujian dan peperiksaan. Keputusan penilaian dapat menentukan tahap kemajuan pelajar dalam pembelajaran mereka. Penilaian juga dapat memberi maklum balas terhadap proses pengajaran dan pembelajaran. Penilaian boleh juga dijadikan sebagai ukuran

bagi memastikan sama ada objektif yang hendak dicapai itu telah berhasil ataupun sebaliknya.

Menurut pendapat Dr. Mokhtar Ismail (1995 : 1), "semakin tepat pensyarah dapat menilai muridnya, semakin berkesan pensyarah dapat mengendali pembelajaran murid. Dengan memahami prinsip dan prosedur penilaian akan menolong pensyarah membuat keputusan yang bijak dalam membimbing muridnya untuk menuju ke arah kejayaan. Oleh itu, pendidik menggunakan penilaian ini untuk melaporkan prestij akademik penuntut sama ada lulus atau gagal. Sebaliknya, tujuan penilaian adalah untuk menjamin kualiti prestasi pelajar.

Dr. Mohd. Najib Ghafar (1997) pula menyatakan bahawa sesuatu penilaian mengandungi empat komponen penting iaitu konteks, kemasukan (*input*), proses dan keluaran (*output*). Komponen konteks ini melibatkan kepada sekolah rendah, sekolah menengah dan institut pengajian tinggi. Aplikasi ini merupakan satu proses kemasukan dan keluaran yang membabitkan penilaian-penilaian iaitu pra kelayakan, formatif, diagnostik dan sumatif. Dengan melalui penilaian tersebut, pensyarah boleh menentukan penguasaan nilai produk, objektif, polisi dan program di akhir pengajaran terhadap penuntut mereka. Penilaian merupakan satu proses transformasi yang mempunyai kemasukan dan keluaran. Kemasukan ini terdiri daripada fizikal, instrumental dan persekitaran.

Input fizikal adalah golongan pendidikan sama ada guru, pensyarah atau professor. Selain itu, ia juga melibatkan silibus atau isi pelajaran yang perlu disampaikan kepada penuntut. Manakala, input instrumental adalah menunjukkan kaedah mengajar bagi pengajar dan media atau peralatan pengajaran yang digunakan oleh pensyarah.

Bagi input persekitaran boleh dikelaskan kepada dua iaitu persekitaran manusia dan persekitaran bukan manusia. Persekitaran manusia adalah para pelajar yang terlibat dalam proses penilaian. Sebaliknya, bagi proses bukan manusia adalah menunjukkan keselesaan suasana bilik darjah (seperti hawa dingin disediakan, meja dan kerusi yang tiada kecacatan dan sebagainya) yang boleh mempengaruhi pelajar

menumpu perhatian semasa pengajaran dan pembelajaran dijalankan oleh pensyarah.

Ini dapat disimpulkan bahawa penilaian dalam pendidikan boleh dipengaruhi oleh faktor-faktor lain seperti yang dinyatakan di atas. Justeru itu, kualiti penilaian bergantung kepada kesahan (*validity*) dan kebolehpercayaan (*reliability*). Kualiti penilaian yang baik memiliki keesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Pelaksanaan penilaian oleh pensyarah boleh diibaratkan sebagai suatu pertandingan menembak, iaitu adanya sasaran, pistol dan peluru. Sasaran adalah penampilan pelajar, pistol adalah melabelkan alat untuk mengukur dan peluru pula menunjukkan item-item ujian. Kejituan suatu penilaian bergantung kepada alat ujian dan item-item ujian yang jitu.

2.2 Prinsip-Prinsip Am Penilaian

Menurut pendapat Norman E. Gronlund dan Robert L.Linn (1995), penilaian merupakan satu proses yang lengkap untuk pelajar melanjutkan pembelajaran dan perkembangan. Proses ini akan menjadi lebih efektif sekiranya prinsip-prinsip penilaian dibabitkan iaitu menentukan dengan jelas apa yang akan dinilai mempunyai keutamaan di dalam proses penilaian. Justeru itu, sebelum memilih proses penilaian yang akan digunakan, pensyarah hendaklah mengetahui dengan jelas mengenai matlamat atau gol pembelajaran bagi penuntut. Dr. Mohd. Najib Ghafar (1997) bersependapat dengan Norman E. Gronlund dan Robert L.Linn dengan menyatakan perlu dipastikan apa yang ingin dinilai dengan jelas dan barulah ditentukan dengan soalan sebelum menilai kebolehan penuntut. Suatu kaedah penilaian yang akan dipilih berlandaskan kaitan dan kesesuaian terhadap ciri-ciri atau pencapaian yang akan diukur. Sesuatu kaedah penilaian yang sering dipilih adalah bergantung kepada objektif, ketepatan atau kemudahannya. Dalam menilai pencapaian pelajar, kita perlu memilih jenis penilaian yang memadai dengan objektif pembelajaran. Sesuatu teknik hanya sesuai untuk sesuatu jenis ujian sahaja dan tidak kepada ujian lain. Pelbagai kaedah diperlukan untuk pengukuran yang komprehensif. Tiada satu kaedah tertentu atau peralatan pengajaran yang tertentu yang digunakan

SENARAI DOKUMEN BIBLIOGRAFI

Angelo, Thomas A. and Cross, K. Patricia. (1993). "Classroom Assessment Techniques : A Handbook for College Teachers." San Francisco, Clifornia : Jossey-Bass, Inc.

Choong Mei Leng (1998). "Statistik 1." Selangor : IBS Buku Sdn. Bhd.

Ee Ah Meng (1997). " Pedagogi 2 : Pelaksanaan Pelajaran." Shah Alam : Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Fraenkel, Jack R. and Wallen, Norman E. (1996). "How To Design And Evaluate Research In Education." New York : McGraw-Hill, Inc.

Glenn Myers Blair, R. Stewart Jones Dan Ray H. Simpson (1994). "Psikologi Pendidikan." Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Koenker, Robert H. (1961). "Simplified Statistics : For Student in Educational and Psychology." Bloomington, Illinois, U.S.A. : Mc Knight & Mc Knight Publishing Company.

Lee Shok Mee (1993). "Pedagogi 4 (A) : Pengujian Dan Penilaian Dalam Pendidikan." Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Mohd. Majid. Mohd. Konting (1998). "Kaeah Penyelidikan Pendidikan." Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Mohd. Najib Ghafar (1999). "Penyelidikan Pendidikan." Johor : Universiti Teknologi Malaysia.

- Mohd. Najib Ghafar.(1997). "Pembinaan Dan Analisis Ujian Bilik Darjah." Johor :
Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd. Salleh Abu dan Zaidatun Tasir (2001). "Pengenalan Kepada Analisis Data
Berkomputer : SPSS 10.0 for Windows." Kuala Lumpur : Venton Publishing.
- Mok Soon Sang (2000). "Ilmu Pendidikan Untuk Kursus Perguruan Lepas Ijazah."
Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Mokhtar Ismail (1995). "Penilaian di Bilik Darjah." Kuala Lumpur : Dewan Bahasa
dan Pustaka.
- Omaridin Ashaari (1999). "Pengajaran Kreatif Untuk Pembelajaran Aktif." Kuala
Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Oosterhof, Albert. (1994). "Classroom Application of Educational Measurement."
2nd. edition. United States of America : Macmillan College Publishing
Company.
- Peter W. Airasian (1994). "Classroom Assessment." 2nd. edition. New Yoke :
McGraw-Hill, Inc.
- Peter W. Airasian (1994). "Classroom Assessment." 3rd. edition. New Yoke :
McGraw-Hill, Inc.
- Profesor Dr. Nor Khomar Ishak (1993). "Research Method." Shah Alam : Universiti
Teknologi Mara.
- Rahil Mahyuddin, Habibah Elias dan Kamariah Abu Bakar (1997). "Pedagogi 2 :
Perlaksanaan Pengajaran." Kuala Lumpur : Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Ralph W. Tyler; diterjemah oleh Haji Kamaruddin Hussin dan Hazil Abdul Hamid
(1997). "Prinsip Asas Kurikulum dan Pengajaran." Kuala Lumpur : Dewan
Bahasa Dan Pustaka.
- Robert L. Linn and Norman E. Gronlund (1995). "Measurement and Assessmet in
Teaching." 7th. edition. New Jersey : Prentice-Hall, Inc.

Van Dalen, Deobold B. (1979). "Understanding Educational Research : An
Introducton." New York : McGraw-Hill, Inc.

Zuraidah (1999). "Tinjauan Ke Atas Kesesuaian Kurikulum Pedagogi Skim Latihan
Tenaga Pensyarah Politeknik di ITTHO. Kajian kes Ijazah Sarjana
Pendidikan ITTHO." Batu Pahat : Jabatan Pendidikan Dan Kemanusiaan
ITTHO. (naskah tidak diterbitkan)



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH